

NAMA TINGKATAN :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI SELANGOR

PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2026 PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN 5

Kertas 1

3756/1

1 Jam 15 Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*



Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

- 1 Apakah peringkat dalam kitaran perakaunan selepas Imbangan Duga?
- A Lejar
 - B Pelarasan
 - C Penyata kewangan
 - D Catatan penutupan
- 2 Gambar berikut adalah perbualan antara kerani dan pengurus akaun perniagaan Nayla Enterprise.



- Apakah prinsip perakaunan yang dimaksudkan?
- A Ketekalan
 - B Prinsip kos
 - C Entiti berasingan
 - D Usaha berterusan
- 3 Manakah merupakan ciri perniagaan perkongsian?
- A Menerima keuntungan dalam bentuk dividen
 - B Modal diperoleh daripada terbitan syer
 - C Berdaftar dengan Akta Syarikat 1965
 - D Menanggung liabiliti tidak terhad



- 4 Pilih padanan yang betul.

	Akaun	Klasifikasi Akaun	Penyata Kewangan
A	Kadar bayaran	Hasil	Akaun Untung Rugi
B	Komisen diterima	Belanja	Akaun Untung Rugi
C	Sewa belum terima	Aset semasa	Penyata Kedudukan Kewangan
D	Insurans prabayar	Liabiliti semasa	Penyata Kedudukan Kewangan

- 5 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Sareema.

Pemilik membayar ansuran kenderaannya bernilai RM1 200 menggunakan cek perniagaan pada 25 Mei 2026.

Apakah kesan urus niaga terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah	Bertambah	-
B	Berkurang	Berkurang	-
C	Bertambah	-	Bertambah
D	Berkurang	-	Berkurang

- 6 Urus niaga berikut diambil daripada Kedai Elektrik Ashman.

Pemilik mengambil dua buah kipas bernilai RM310 seunit untuk diletakkan dirumahnya.

Apakah dokumen yang digunakan?

- A Resit
- B Memo
- C Invois
- D Nota debit

- 7 Penyataan urus niaga berikut diperolehi daripada Megah Enterprise.

Pemilik membawa masuk komputer peribadi bernilai RM3 000 untuk kegunaan perniagaan

Apakah catatan yang direkodkan dalam Jurnal Am?

A

Jurnal Am

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Alatan pejabat Modal	3 000	3 000

B

Jurnal Am

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Alatan pejabat Bank	3 000	3 000

C

Jurnal Am

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Bank Modal	3 000	3 000

D

Jurnal Am

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Bank Alatan pejabat	3 000	3 000

- 8 Antara berikut, urus niaga yang manakah direkod di sebelah debit Buku Tunai?

- I Belian rak pameran dengan tunai
- II Ambilan tunai untuk kegunaan peribadi
- III Kutipan tunai daripada Akaun Belum Terima
- IV Pemilik membawa masuk tunai sebagai modal tambahan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 9 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Rashna.

Pemilik membayar utiliti rumah kediaman dengan menggunakan wang perniagaan.

Pilih catatan lejar yang betul.

	Debit	Kredit
A	Akaun Utiliti	Akaun Tunai
B	Akaun Utiliti	Akaun Modal
C	Akaun Ambilan	Akaun Tunai
D	Akaun Ambilan	Akaun Modal

- 10 Berikut merupakan maklumat akaun bagi Perniagaan Firman.

Akaun Kawalan Belum Terima					
2026		RM	2026		RM
Jan. 1	Baki b/b	1 000	Jan. 31	Bank	14 000
31	Jualan	15 000		X	200
				Baki h/b	1 800
		<u>16 000</u>			<u>16 000</u>
Feb. 1	Baki b/b	1 800			

Apakah X?

- A Faedah dibayar
- B Pulangan masuk
- C Diskaun diterima
- D Hutang lapuk terpulih

**SULIT****6****3756/1**

- 11 Maklumat berikut diperoleh daripada Selesa Enterprise.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2025 (petikan)

Butiran	Debit RM	Kredit RM
M		600
N	700	

Apakah M dan N?

	M	N
A	Komisen dibayar	Sewa diterima
B	Komisen dibayar	Sewa dibayar
C	Komisen diterima	Sewa diterima
D	Komisen diterima	Sewa dibayar

- 12 Antara berikut, yang manakah item menambahkan kos belian dalam Akaun Perdagangan?

- I Diskaun diterima
- II Angkutan keluar
- III Angkutan masuk
- IV Upah atas belian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 13 Maklumat berikut diperoleh daripada Zikry Enterprise.

Akaun X					
2026		RM	2026		RM
Jan. 31	Akaun Untung Rugi	200	Jan. 31	Bank	200
		<u>200</u>			<u>200</u>

Apakah X?

- A Faedah atas simpanan
- B Faedah atas pinjaman
- C Deposit utiliti
- D Utiliti

14 Manakah maklumat yang **tepat** menyatakan Perakaunan Asas Tunai?

- A Hasil direkodkan apabila tunai diterima
- B Hasil belum terima diiktiraf sebagai hasil
- C Belanja belum bayar diiktiraf sebagai belanja
- D Belanja direkodkan dalam tempoh dibelanjakan

15 Maklumat berikut diperoleh daripada Amisha Cakery. Tempoh perakaunan perniagannya berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

	RM
Komisen tahunan	1 000
Komisen yang telah diterima	700
Komisen belum terima	300

Pilih catatan Jurnal Am yang **betul**.

A Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Debit RM	Kredit RM
2025 Dis. 31	Komisen belum terima Komisen diterima	700	700

B Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Debit RM	Kredit RM
2025 Dis. 31	Komisen diterima Komisen belum terima	700	700

C Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Debit RM	Kredit RM
2025 Dis. 31	Komisen belum terima Komisen diterima	300	300

D Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Debit RM	Kredit RM
2025 Dis. 31	Komisen diterima Komisen belum terima	300	300

16 Manakah pernyataan yang **betul** bagi Peruntukan Hutang Ragu?

- A Hutang yang akan dijelaskan kepada Akaun Belum Bayar
- B Hutang yang tidak dapat dikutip daripada Akaun Belum Terima
- C Anggaran hutang yang akan dijelaskan kepada Akaun Belum Bayar
- D Anggaran hutang yang tidak dapat dikutip daripada Akaun Belum Terima

17 Maklumat perniagaan Little Tent dinyatakan seperti berikut.

	1 Januari 2025	31 Disember 2025
	RM	RM
Lengkapan	15 000	22 000

Maklumat tambahan:

- (i) Lengkapan bernilai RM7 000 dibeli pada 1 Julai 2025.
- (ii) Susut nilaiengkapan 10% setahun atas kos.

Berapakah susut nilaiengkapan?

- A RM1 100
- B RM1 850
- C RM2 200
- D RM3 700

18 Hauz Deco membekalkan maklumat seperti berikut pada 31 Disember 2025.

	RM
Kenderaan (kos)	40 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	6 000

Maklumat tambahan:

Kenderaan dijual dengan harga RM36 000 pada 31 Disember 2025.

Berapakah untung atau rugi pelupusan kenderaan?

- A Untung pelupusan RM2 000
- B Untung pelupusan RM4 000
- C Rugi pelupusan RM2 000
- D Rugi pelupusan RM4 000

- 19 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan FIY.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2025 (petikan)

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Diskaun	150	220
Hutang lapuk terpulih		1 000
Insurans	2 000	

Maklumat tambahan:
Untung kasar RM49 600.

Berapakah untung bersih?

- A RM48 530
 - B RM48 670
 - C RM50 530
 - D RM50 670
- 20 Urus niaga berikut diambil daripada Perniagaan Sofian.

Belanja membaiki kenderaan RM300 telah direkod dalam Akaun Kenderaan.

Apakah kesilapan tersebut?

- A Kesilapan saling mengimbangi
 - B Kesilapan komisen
 - C Kesilapan terbalik
 - D Kesilapan prinsip
- 21 Maklumat urus niaga Kedai Bookworm Stationery dinyatakan seperti berikut.

Angkutan masuk bernilai RM210 telah tersilap rekod dalam angkutan keluar.

Apakah kesan terhadap keuntungan perniagaan selepas kesilapan dibetulkan?

	Untung kasar	Untung bersih
A	Bertambah	Tiada kesan
B	Berkurang	Tiada kesan
C	Tiada kesan	Bertambah
D	Tiada kesan	Berkurang



- 22 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Amimaz.

	RM
Inventori 1 Julai 2025	24 000
Inventori 30 Jun 2026	48 000
Kos Jualan	144 000

Berapakah kadar pusing ganti inventori?

- A 2 kali
 - B 4 kali
 - C 6 kali
 - D 8 kali
- 23 Item yang manakah akan menambah nilai ekuiti pemilik?
- A Belanja
 - B Ambilan
 - C Rugi bersih
 - D Untung bersih
- 24 Cik Sofea tidak menyimpan buku akaun dengan lengkap. Maklumat berikut diperoleh pada 31 Disember 2025.

Akaun Bank		
		RM
	Sewa	3 370

Maklumat tambahan:

	1 Januari 2025	31 Disember 2025
Sewa belum bayar	RM160	RM450

Berapakah jumlah sewa yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025?

- A RM2 760
- B RM3 080
- C RM3 660
- D RM3 980

- 25 Apakah tujuan sistem kawalan tunai?
- A Memperoleh jualan yang tinggi
 - B Mengelakkan berlaku penyelewengan
 - C Mendapat keuntungan yang maksimum
 - D Menyimpan tunai yang banyak di tangan
- 26 Apakah butiran yang dikreditkan dalam Penyata Bank tetapi belum didebitkan dalam Buku Tunai?
- A Caj bank
 - B Pindahan kredit
 - C Cek belum dikemukakan
 - D Deposit belum dikreditkan

- 27 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Warisan.

	Jun RM	Julai RM
Anggaran jualan	1 800	2 000

40% adalah jualan tunai dan bakinya diterima pada bulan berikutnya.

Berapakah jumlah penerimaan pada bulan Julai?

- A RM1 080
 - B RM1 520
 - C RM1 880
 - D RM1 920
- 28 Bagaimanakah pembahagian untung atau rugi mengikut Akta Perkongsian 1961?
- A Sama rata antara pekongsi
 - B Berdasarkan kepakaran pekongsi
 - C Berdasarkan pengalaman pekongsi
 - D Mengikut nisbah modal yang disumbangkan oleh pekongsi

- 29 Perkongsian Hana & Bella berkongsi maklumat seperti berikut pada 31 Disember 2025.

	Hana	Bella
	RM	RM
Faedah atas modal	3 000	2 500
Faedah atas ambilan	200	150
Gaji	625 (sebulan)	-

Maklumat tambahan:

- (i) Untung bersih RM25 000.
- (ii) Untung atau rugi dibahagi sama rata antara pekongsi.

Berapakah kongsi untung yang diterima oleh Bella?

- A RM5 775
- B RM6 175
- C RM11 550
- D RM12 350

- 30 Berikut adalah maklumat perakaunan Perkongsian F&A Medispa.

	Afia
	RM
Akaun Semasa 1 Januari 2026	3 690 (Dt)
Pengasingan untung rugi	4 250
Ambilan	5 150
Faedah atas modal	2 500

Berapakah baki akhir Akaun Semasa Afia?

- A RM2 090
- B RM10 590
- C (RM2 090)
- D (RM10 590)

- 31 Maklumat berikut diambil daripada buku Perkongsian Lela dan Lily.

Akaun Realisasi			
	RM		RM
Lengkapan	27 000	Bank	26 000
Akaun Belum Terima	6 550	Modal Lily	16 000
P	3 400		

Apakah urus niaga yang sesuai untuk P?

- A Menjual aset bukan semasa
 - B Bayaran balik pinjaman bank
 - C Belanja utiliti yang baru dijumpai
 - D Menjelaskan sepenuhnya Akaun Belum Bayar
- 32 Ciri yang manakah **betul** bagi syer biasa?
- A Kadar dividen tetap
 - B Menerima dividen terlebih dahulu
 - C Mempunyai hak mengundi dalam mesyuarat agung
 - D Berhak membuat tuntutan modal apabila syarikat dibubarkan
- 33 Maklumat berikut diperolehi daripada Berkat Gigih Berhad pada 31 Julai 2025.

Penyata Kedudukan Kewangan (petikan)		RM
Ekuiti Pemilik:		
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh:		
Q unit 8% Syer Keutamaan		1 200 000
3 000 000 unit Syer Biasa		3 000 000
		<u>4 200 000</u>

Syer Keutamaan dijual pada harga RM1.50 sesyer.

Berapakah nilai Q?

- A 96 000 unit
- B 800 000 unit ✓
- C 1 800 000 unit
- D 1 200 000 unit



- 34 Maklumat berikut diperoleh daripada Puncak Jaya Berhad pada 31 Disember 2025.

	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh:	
500 000 unit 8% Syer Keutamaan	1 000 000
800 000 unit Syer Biasa	960 000

Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan 10% dividen Syer Biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

Berapakah jumlah dividen?

- A RM80 000
 - B RM96 000
 - C RM176 000
 - D RM196 000
- 35 Apakah matlamat penubuhan Kelab dan Persatuan?
- A Menjaga kepentingan rakan kongsi
 - B Menyediakan kemudahan kepada ahli
 - C Mendapat pinjaman daripada rakan kongsi
 - D Mengadakan perkhidmatan sosial dan rekreasi kepada ahli yang aktif sahaja
- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Sains Cempaka.

	1 Januari 2025	31 Disember 2025
	RM	RM
Yuran belum terima	145	-
Yuran belum terperoleh	-	165

Maklumat tambahan:

Yuran yang diterima sepanjang tahun berjumlah RM 4 650.

Berapakah yuran yang akan direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

- A RM4 340
- B RM4 630
- C RM4 670
- D RM4 960

- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Taman Muhibah.

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mei 2025 (petikan)			
	RM		RM
Kadar bayaran	680	Yuran ahli	3 550
Belanja am	350	Sewa	400

Maklumat tambahan:

Yuran lapuk RM250 terlupa direkodkan.

Berapakah lebihan?

- A RM2 670
- B RM2 920
- C RM3 170
- D RM3 670

- 38 Kelab Tunas Manja membekalkan maklumat seperti berikut pada 1 Januari 2025.

	RM	
Bank	6 400	(Kt)
Lengkapan	26 300	
Inventori cenderamata	10 250	
Yuran belum terima	265	
Yuran belum terperoleh	145	

Berapakah dana terkumpul?

- A RM43 070
- B RM42 830
- C RM30 270
- D RM30 030

- 39 Apakah komponen bagi gaji pengurus kilang dalam akaun pengeluaran?

- A Kos Buruh Langsung
- B Kos Overhead
- C Kos Jualan
- D Kos Prima

- 40 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Kek Wangi.

	RM
Kos tetap	55 000
Kos berubah seunit	15
Harga jualan seunit	25

Berapakah bilangan kek yang perlu dikeluarkan jika sasaran untungnya ialah RM3 000?

- A 1 375 unit
- B 1 450 unit
- C 5 500 unit
- D 5 800 unit

KERTAS SOALAN TAMAT

